



## **MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' Sr. HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN RAIN GARDEN & PELANCARAN BUKU *THE  
LITTLE MAMAK: LOST IN BAGAN***

### **OLEH**

**YANG AMAT BERHORMAT TUAN LIM GUAN ENG  
KETUA MENTERI PULAU PINANG**

**28 OKTOBER 2017 (SABTU)**

**10.00 PAGI**

**BERTEMPAT DI JALAN JETI LAMA, BUTTERWORTH**

*Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa*

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng**  
Ketua Menteri Pulau Pinang

**Yang Berhormat-Yang Berhormat**  
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

**Yang Berhormat-Yang Berhormat**  
Ahli Dewan Undangan Negeri

**Yang Berhormat-Yang Berhormat**  
Ahli Parlimen Pulau Pinang

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmud**  
Setiausaha Perbandaran  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Encik Murali Ram**  
Pengurus Projek Think City

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Kakitangan-Kakitangan**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Kakitangan-Kakitangan**  
Think City Sdn. Bhd.

**Rakan - Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan kerana dapat meluangkan masa untuk hadir ke Majlis Perasmian *Rain Garden* & Pelancaran Buku *The Little Mamak: Lost In Bagan* pada pagi ini di Jalan Jeti Lama, Butterworth.

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,**

MPSP mensasarkan untuk menjadi Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandaraya Pintar (*Smart City*) menjelang tahun 2022. Ini adalah satu perancangan atau komitmen MPSP kepada semua pelanggan, *stakeholders*, Kerajaan Negeri dan warga Seberang Perai dalam menjayakan Visi dan Misi MPSP, dan seterusnya menjadikan MPSP sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang terbuka, interaktif, cekap dan mendapat sokongan *civil society*.

Untuk makluman Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, sejak 2008 sehingga September 2017, melalui program-program penanaman pokok, sebanyak 94,903 batang pokok

pelbagai jenis telah ditanam di seluruh Seberang Perai. Ini telah membantu dalam penyerapan gas rumah hijau sebanyak 2.088 kilotonne (kt) *carbon dioxide equivalent (CO<sub>2</sub>e)*.

Di kawasan Butterworth sahaja, sebanyak 15,570 batang pokok telah ditanam sejak 2008 sehingga September 2017 dan jumlah penyerapan gas rumah hijau mencapai 0.343 kt CO<sub>2</sub>e.

Kepentingan pokok dalam pengurangan gas rumah hijau tidak boleh dinafikan. Justeru itu, MPSP akan terus komited merealisasikan hasrat menanam pokok di seluruh Seberang Perai bagi mencapai hasrat untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar pada tahun 2022.

Dalam pada itu, MPSP juga berusaha untuk mewujudkan taman-taman kecil seperti *pocket garden* dan ruang awam ke arah menjadikan bandar lebih hijau dan indah serta memberi ruang untuk masyarakat berkumpul bagi tujuan riadah, di antara yang dilaksanakan bersama Think City Sdn. Bhd. adalah *Butterworth Art Work* di Lorong Bagan Luar 1; Projek Naiktaraf *Pocket Park* Lebuh Benggali, Butterworth; dan Projek Naik Taraf Tempat Letak Kereta dan *Rain Garden* di Jalan Jeti Lama.

Usaha-usaha untuk meremajakan Bandar Butterworth telah membawa hasil. Nilai Pembangunan Kasar (GDV) telah meningkat sebanyak 2.5 kali ganda iaitu RM306,858,693.00 Pada Ogos 2017 berbanding RM132,500,000.00 pada 2015.

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,**

*Rain Garden* merupakan sekelompok tanaman untuk menyerap serapan air hujan yang tinggi dan bertindak sebagai penapis aliran air hujan dari permukaan tanah yang kedap air. Tanaman ini turut menyerap bahan pencemaran dan memulihara alam sekitar. Proses ini sekaligus mengurangkan aliran air hujan ke longkang kerana serapan berlaku di permukaan tanah. Ianya juga adalah berkonsepkan *pocket park*.

*Rain Garden* di Tempat Letak Kereta di Jalan Jeti Lama, Butterworth ini mempunyai reka bentuk bandar yang sensitif air di mana ia direka untuk menakung air larian yang berlebihan dari kawasan tempat letak kereta. Ini adalah projek *rain garden* yang pertama di Seberang Perai. Pokok-pokok yang ditanam akan menghijaukan kawasan tempat letak kereta ini dan sesuai sebagai tempat beriadah oleh masyarakat setempat. Ini adalah selaras dengan inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam

mewujudkan Pulau Pinang ke arah “*Cleaner, Greener, Safer, Healthier*” (Lebih Bersih, Hijau, Selamat & Sihat).

Saya ingin mencadangkan supaya semua penduduk Seberang Perai membina *rain garden* di hadapan rumah mereka. Jadikan aktiviti membina *rain garden* sebagai aktiviti hujung minggu bersama keluarga. Pembinaan *rain garden* bukan sahaja dapat memberi pengindahan di halaman rumah, malahan ianya juga boleh menjadi *localized storm water runoff and flood control*. Aktiviti ini boleh mempercepatkan inspirasi untuk menjadikan Seberang Perai sebagai Bandaraya Rendah Karbon dan mitigasi ancaman banjir dan mampan. MPSP juga becadang untuk membuat rain garden di lorong-lorong belakang yang sesuai. Pemilik premis digalakkan memberi pandangan terhadap usaha ini kepada MPSP.

Saya juga ingin menyeru kepada seluruh penduduk di Butterworth atau pengunjung-pengunjung yang hadir supaya bersama-sama menjaga semua kemudahan-kemudahan yang telah disediakan untuk kebaikan semua. Pelihara diri kita daripada membuat vandalisme atau kerosakan. Yang paling penting, jangan membuang sampah di merata-rata tempat.

Harapan saya agar penduduk setempat dapat sama-sama menjaga *rain garden* ini serta kemudahan awam yang terdapat di sini. Hargai kemudahan yang disediakan semoga ianya dapat memberi manfaat

kepada seluruh penduduk. *Rain Garden* adalah ruang rekreasi awam untuk meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan hidup yang mana wujud sebagai platform integrasi sosial dalam masyarakat.

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,**

Saya amat memuji kolaborasi Think City Sdn. Bhd. dan MPSP dalam melaksanakan kerja-kerja pengindahan serta menaik taraf kemudahan awam di sekitar Bandar Butterworth. Saya percaya Pelan Butterworth Baharu akan mengembalikan semula kegembilangan Butterworth sebagai hub pengangkutan dan pusat bandar yang ceria dan hidup.

MPSP dengan kerjasama Think City Sdn. Bhd. telah menandatangani *Memorandum of Understanding* (M.O.U) selama 5 tahun selaras untuk mewujudkan hubungan kerjasama dua hala dalam memangkin *urban regeneration programme* di Bandar Butterworth. *Baseline Study* dan Pelan Tindakan telah dilaksanakan untuk merealisasikan Pelan Butterworth Baharu yang mana dijadikan sebagai garis panduan untuk pembangunan semula bandar. Pelan ini diharapkan akan membawa impak perubahan positif ke atas struktur urbanisasi dan seterusnya membawa peningkatan ekonomi, sosial dan budaya yang ketara kepada komuniti setempat.

Kerjasama MPSP dengan pihak Think City Sdn. Bhd. dalam memperkasakan projek fizikal di bawah Pelan Butterworth Baharu adalah menggunakan pendekatan kreatif untuk *unlocking the power of partnership* melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet, Partnership*), terutamanya melalui pendekatan *private and philanthropy partnership*.

Kerjasama dan komitmen semua pihak adalah amat diperlukan dalam merealisasikan Pelan Butterworth Baharu. Sehubungan itu, saya ingin menjemput dan menyeru kepada badan-badan korporat, yang berminat untuk menjalinkan kerjasama dengan MPSP untuk terlibat bersama dalam pembangunan Bandar Butterworth.

**YAB Tuan, Yang Berhormat, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Di kesempatan ini juga, pada pagi ini, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri akan melancarkan buku hasil karya artis karikatur Mohd Azmi Mohd Hussin bertajuk “*The Little Mamak: Lost in Bagan*” yang menceritakan pengembalaan beliau ketika melawat perkarangan rumah di zaman kanak-kanaknya di "Bagan" atau Butterworth.

Ucapan tahniah dan syabas untuk beliau.

**YAB Tuan, Yang Berhormat, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Akhir kata, saya bagi pihak MPSP mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak atas kerjasama dan komitmen yang diberikan dalam merealisasikan Pelan Butterworth Baharu dan menjadikan Butterworth sebagai hub inovatif dan kreatif. Kami berharap agar orang ramai menghargai dan memulihiara *Rain Garden* yang disediakan di sini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri atas sokongan padu daripada pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan semua yang hadir dalam menjayakan program ini.

Dengan ini, saya sudahi dengan *Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Salam Mampan.

Sekian, terima kasih.